



DASAR KESELAMATAN, KESIHATAN PEKERJAAN DAN PERSEKITARAN (KKPP)

Kemajuan Perniagaan dalam industri perlulah seiring dengan kemajuan Keselamatan, Kesihatan Pekerja dan Persekitaran. Ini bermaksud **perlindungan kesihatan dan keselamatan** kepada para pekerja dan semua yang terlibat dalam perniagaan kami untuk melindungi kesihatan, keselamatan, harta benda, reputasi serta **perlindungan kepada persekitaran**.

Polisi KKPP Kumpulan ESSEM adalah seiring dengan prinsip perniagaan kami iaitu:

Elakkan sebarang risiko dan kemungkinan bahaya dengan menyediakan tempat kerja yang selamat.

Sentiasa peka bahawa semua kecederaan dan kerosakan boleh dielakkan dengan penyesuaian menyeluruh kesihatan, keselamatan dan penjagaan persekitaran tempat kerja yang baik.

Semua bentuk undang-undang dan peraturan yang berkaitan dipenuhi dengan kaedah terbaik dengan maksud melindungi kepentingan semua pihak dan penjagaan alam persekitaran.

Efektif dalam mempromosikan budaya kerja selamat dan membangunkan teknologi inovatif menerusi pembangunan latihan dan program pembelajaran yang berterusan.

Memastikan komunikasi yang cemerlang, implementasi dan semakan yang berterusan untuk peningkatan mutu pengurusan pada semua peringkat.

Mematuhi Dasar Keselamatan, Kesihatan Pekerja dan Persekitaran adalah tanggungjawab semua pihak. Kami komited dalam peningkatan berterusan dalam menghalang cara kerja yang tidak selamat, menekankan sikap kerja yang baik dan budaya kerja selamat. Matlamat kami adalah **Kecederaan Sifar**. Kesempurnaan kerja dan operasi yang selamat adalah faktor kejayaan - yang penting bukan sekadar melaksanakan tugas, tetapi bagaimana cara tugas itu dilaksanakan dengan betul dan selamat adalah kejayaan utama.

Matlamat kami adalah menerajui industri dalam pencapaian KKKP.

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Muffadzlee Dato' A. Sufian', written over a horizontal line.

Muffadzlee Dato' A.Sufian
Managing Director

10th September 2019
Revision 3.0